# Iklan Jualan Vaksin COVID-19 Dalam Talian Palsu – Dr Noor Hisham

4 March 2021 Berita Lain

PUTRAJAYA, 4 Mac – Iklan penjualan vaksin COVID-19 secara dalam talian adalah palsu, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Katanya, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM melalui unit forensik siber sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan INTERPOL, untuk memantau keadaan semasa dan juga penjualan vaksin dalam talian.

Bercakap pada sidang media mengenai perkembangan COVID-19 hari ini, Dr Noor Hisham berkata vaksin yang telah diberikan pendaftaran bersyarat, hanya boleh dibekalkan kepada pihak kerajaan dan pihak yang dibenarkan oleh kerajaan, iaitu untuk dijadikan pusat vaksinasi.

Iklan penjualan vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech dalam talian itu didakwa dijual dengan harga RM63.88.

Sehubungan itu, Dr Noor Hisham mengingatkan orang ramai, agar memastikan mereka menerima vaksin COVID-19 dari fasiliti kesihatan KKM yang diberikan










Facebook
Likes Like Kami
146954
Followers
Follow Kami
Instagram




secara percuma, oleh kerajaan.

Mengulas isu sama Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, meminta orang ramai agar tidak mudah terpengaruh dan tertipu dengan mana-mana pihak yang menawarkan vaksin COVID-19 secara panggilan.

Katanya hanya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja yang bertanggungjawab menguruskan vaksin COVID-19, termasuk pelaksanaan Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan dengan menyelaraskan pendaftaran rakyat untuk vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera.

"Maka urusan menentukan siapa yang boleh mendapatkan vaksin adalah dua kementerian itu (MOSTI dan KKM), yang mempunyai satu jawatankuasa khusus memastikan rakyat yang berdaftar divaksinkan," katanya dalam sidang media perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan di Wisma Pertahanan, di sini, hari ini.

Followers
Follow Kami
Youtube
Subscribers
Langgan
Telegram
Telegram
Sertai Kami
Linkedin
connections
Ikuti Kami
RSS Subscribe
Langgan
LIVE
UMNO O
Like Pag



Ismail Sabri mengesahkan terdapat pihak-pihak yang telah mengambil kesempatan, berhubung vaksin COVID-19 ini.

"Memang telah ramai ambil kesempatan, bukan setakat keluar secara dalam talian malah ada pihak-pihak yang datang kepada kita untuk ambil vaksin COVID-19, kononnya dia merupakan ejen dari negara-negara atau syarikat-syarikat tertentu," katanya. – *BERNAMA*

**Berita Berkaitan**



Vaksin Lalui Proses Penilaian Sewajarnya, Dipantau Rapat Selepas Digunakan - KP Kesihatan

21 February 2021



PM, Dr Noor Hisham Terima Suntikan Vaksin COVID-19 Rabu Ini - Khairy

21 February 2021

Pendaftaran Vaksinasi COVID-19 Tiada Had Tamat, Sehingga Capai Sasaran

SEPANG, 21 Feb - Pendaftaran untuk vaksinasi COVID-19 tidak akan ditamatkan

21 February 2021

---

« Pembinaan Pan Borneo Sarawak Siap 60 Peratus, Sabah 45 Peratus

Arahan Bekerja Dari Rumah Masih Kekal – Ismail Sabri »

TABUNG PERJUANGAN
CIMB BANK BERHAD
86 - 0325726 - 6

Berita Terkini

- Menidakkan Sidang Parlimen Seolah Cabar Titah Agong, Hina Institusi Raja Berperlembagaan – BN
- Hampir Semua Projek BN Dibatalkan, Kerajaan 22 Bulan Tadbir Penuh Kesumat Politik – Zahid
- Kes Bicara Zahid Hamidi: Tidak Ada Janji Pemberian MyEG – Peguam
- Ketetapan UMNO, Sewajarnya Tiada Lagi Pertikaian Berkenaan Hala Tuju Politik Parti – Shahril
- UMNO Tiada Kerjasama Dengan PPBM Dalam PRU-15, Kebersamaan Dalam PN Hingga Parlimen Bubar
- Parlimen Tak Sidang Sebab '100 Ahli Parlimen Tua'… Alasan Tak Masuk Akal – Shahrir Samad

- Bersatulah Kita, Jadikan Keputusan Mahkamah Semalam Suntikan Semangat Baharu – Zahid
- Setahun Naib Presiden UMNO Dalam Kerajaan, Keselamatan Dan Kedaulatan Jadi Keutamaan
- Pelantikan Ketua Kampung Secara Telus, Tak Main Politik – UMNO Johor
- Parlimen Harus Bersidang, Jangan Mandulkan Amalan Demokrasi Berparlimen – Asyraf Wajdi

Video Terkini

- Tidak Ada Janji Pemberian Kontrak Kepada MyEG – Hamidi Mohd Noh
- KHAMIS 4 MAC 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- Berdebar Terima Mesej Laporan Ketua Pengarah Kesihatan, Pengalaman Setahun Tangani Covid 19
- Kompaun RM10,000 Bukan Untuk Aniaya Rakyat, Tapi Untuk Mereka Yang Degil

- RABU 3 MAC 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- Setahun Bersama MINDEF : Kemampuan ATM Menjaga Keselamatan Dan Kedaulatan Negara
- Cubaan Haramkan UMNO Gagal: 16 Bekas Ahli Gagal Dapat Perintah Mahkamah Bubar UMNO
- Cubaan Haramkan UMNO Gagal
- PENERANGAN PEMUDA UMNO BALIK PULAUPODCAST BERSAMA YB KJ
- SELASA 2 MAC 2021 – BERITA PUMAS 5@5

Podcast Terkini

- KHAMIS 4 MAC 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- RABU 3 MAC 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- SELASA 2 MAC 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- ISNIN 1 MAC 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- JUMAAT 26 FEBRUARI 2021 – BERITA PUMAS 5@5




Jom !
DAFTAR
SEBAGAI AHLI
UMNO
Pendaftaran boleh dilakukan
secara ONLINE